**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH,
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-3371 6044, 3371 1376, 3371 6141 FAX : 03-3372 0344, 3374 2245
HOMEPAGE : www.mpklang.gov.my E-mail : aduan@mpklang.gov.my

# KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

| BIL | TAJUK KERJA |
|---|---|
| 1 | No. Sebutharga : **MPK/PN/132 Jld 48**<br>KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN KOMPLEKS PERNIAGAAN LIMA (5) TINGKAT PLAZA MPK DAN KAWASAN SEKITARNYA. |

| TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN | LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP |
|---|---|---|---|
| **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN<br>KOD BIDANG<br>221001 & 221002<br>&<br>BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR<br>&<br>UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)** | **TAKLIMAT<br>(KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)**<br><br>**TAKLIMAT :<br>TARIKH : 19/12/2016 (ISNIN)<br>MASA PENDAFTARAN : 8.00-10.00 pg<br>MASA TAKLIMAT : 10.00 pg<br>TEMPAT : Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang**<br><br>Nota :<br>1.Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.<br>2. **Sebarang pendaftaran selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan.** | **MULAI : 19/12/2016 (ISNIN)**<br><br>Penjualan secara Online<br><br>*** Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web http://tender.selangor.gov.my untuk melancarkan proses pembelian dokumen.** | **TARIKH TUTUP : 26/12/2016 (ISNIN)<br>WAKTU TUTUP : 12.00 Tengah Hari**<br><br>Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1,<br>Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber)<br>Lot 175, Jalan Tengku Kelana,<br>41000 Klang<br>Selangor Darul Ehsan<br><br>**Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.** |

**SYARAT-SYARAT :-**

1. Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga **RM 40.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara kredit kad dan debit kad.

2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **19 DISEMBER 2016** di laman web **http://tender.selangor.gov.my** di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.

3. Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang **http://tender.selangor.gov.my** sebelum pembelian Dokumen Sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **Kementerian Kewangan (MOF)**. Sekiranya gagal berbuat demikian penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebutharga tersebut.

4. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti tertera di atas.

5. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

6. Wakil yang hadir ke taklimat perlu membawa surat wakil dari syarikat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.

7. Penyebutharga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.

8. Penyebutharga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **19 DISEMBER 2016** jam 10.00 pagi di Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat. **Pendaftaran selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan**.

9. Penyebutharga yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebutharga.

10. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL, Sijil Pendafataran Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dan Resit pembayaran E-Tender Selangor)** semasa hari taklimat.

11. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Sebutharga. Jika dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.

12. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.

13. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **7 DISEMBER 2016**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :
BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG